



Mempromosi Peluang Perniagaan Shaklee dengan Integriti

Seksyen 3.10.2.1 Tuntutan Pendapatan dalam P&R Shaklee menyatakan bahawa:

Apabila anda membuat tuntutan pendapatan, anda mungkin dikehendaki untuk mendedahkan pendapatan purata tahunan mengikut pangkat bagi tahun kalendar yang terhampir, atau tempoh lain apabila ianya diterbitkan oleh Shaklee. Tuntutan pendapatan termasuklah apa jua pengakuan lisan, bertulis, gambarajah yang memberi maksud, dengan nyata atau implikasi, satu aras tertentu atau peringkat potensi jualan atau sebenar, atau pendapatan kasar, bersih atau keuntungan, termasuk tetapi tidak dihadkan untuk mendakwa bahasa salah satu, dengan jelas atau secara tersirat, mencadangkan gaya hidup seperti membeli rumah, kenderaan dan pelancongan dengan pendapatan yang diperolehi.

Apa Yang Anda Tidak Boleh Katakan

Elakkan membuat tuntutan yang salah, mengelirukan atau berlebihan seperti:

- "Pendapatan atau gaji yang dijamin "
- "Pendapatan tanpa had"
- "Duit yang mengubah hidup"
- "Kebebasan Kewangan"
- "Berhenti kerja"
- "Jana pendapatan tanpa buat sebarang kerja"
- "Pendapatan pasif" atau "pendapatan berterusan" tanpa konteks yang jelas
- Tuntutan yang menunjukkan semua orang akan mencapai hasil yang sama

Pengedar Bebas Shaklee (SID) juga tidak boleh menerangkan Peluang Perniagaan Shaklee seperti pelaburan kewangan, sekuriti atau skim pelaburan. Menyertai Shaklee adalah peluang perniagaan yang memerlukan usaha, pembelajaran, servis pelanggan dan aktiviti yang membina perniagaan.

Apa Yang Anda Boleh Katakan

Anda boleh berkongsi pengalaman dan perjalanan peribadi anda yang sebenar dan tidak mengelirukan.

Contoh:

- ✓ "Saya suka menjana pendapatan tambahan melalui perniagaan Shaklee."
- ✓ "Membina perniagaan Shaklee adalah satu pengalaman yang memberi kepuasan kepada saya."
- ✓ "Kejayaan memerlukan usaha, pembelajaran dan dedikasi yang berterusan."
- ✓ "Hasil adalah berbeza bagi setiap individu."
- ✓ "Perniagaan Shaklee menawarkan peluang untuk menjana pendapatan melalui jualan produk dan aktiviti membina kumpulan."



Berhati-hati dengan perkongsian Gaya Hidup

Gambar atau video kereta mewah, rumah mewah, barangan berjenama, percutian atau wang tunai memberikan gambaran bahawa itu adalah gaya hidup yang dinikmati melalui Peluang Perniagaan Shaklee. Ini termasuklah kapsyen, hashtag, emoji, gambar, video dan semua jenis kandungan media sosial.

INGAT

Cara terbaik untuk berkongsi Peluang Perniagaan Shaklee adalah dengan fokus kepada pengalaman sebenar dan nilai membina perniagaan melalui **prinsip 3S**:

Jual. Servis. Taja (Sell. Service. Sponsor)

Dengan memastikan mesej anda jujur dan realistik, anda membantu membina kepercayaan dalam kalangan bakal pelanggan disamping melindungi reputasi keseluruhan Keluarga Shaklee.